

Nasional

Pengajian getir hidup dorong graduan raih Anugerah Pelajaran Diraja

Bangi: Biar pun dibesarkan oleh nenek sejak berusia lapan bulan, tidak mematahkan semangat Farahana Mohamed, 27, berjaya dalam pelajaran sehingga menerima Anugerah Pelajaran Diraja.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan dengan kepujian cemerlang itu menerima anugerah berkenaan sempena Majlis Konvokesyen Ke-47, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, semalam.

Farahana berdepan ujian getir apabila ayahnya, Mohamed Awang, 62, diserang angin ahmar 10 tahun lalu ketika beliau baru menamatkan pelajaran peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Walaupun saya dibesarkan oleh nenek, ibu bapa saya tidak pernah melepaskan tanggungjawab mereka untuk memastikan saya mendapat pelajaran yang cukup.

"Semuanya berubah selepas ayah diserang angin ahmar dan punca pendapatan keluarga terputus ketika itu," katanya.

Farahana antara 7,688 graduan yang menerima sijil masing-masing bersempena Konvokesyen UKM ke-47 yang berlangsung empat hari, bermula semalam.

Anak kelahiran Kampung Srah Sering, Kelantan itu berkata, beliau terpaksa menolak tawaran sebuah universiti di Sarawak berikutan kos pengangkutan yang tinggi dan tidak mahu menyusahkan hati kedua-dua ibu bapanya kerana jarak terlalu jauh.

Beliau bangkit semula meneruskan pengajian selepas diterima masuk ke Universiti Teknologi MARA (UiTM) seterusnya ke UKM.

"Selepas tamat pengajian diploma, saya bekerja sebagai juruwang selama setahun untuk mengumpul duit sebelum menyambung pengajian ke UKM.

"Saya juga mendapatkan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang saya gunakan sepenuhnya untuk pembayaran yuran pengajian," katanya yang menerima Puan Gred Nilai Kumulatif (PGNK) 3.08.

Selepas tamat pengajian diploma, saya bekerja sebagai juruwang selama setahun untuk mengumpul duit sebelum menyambung pengajian ke UKM.

Farahana Mohamed, Penerima Anugerah Pelajaran Diraja



Tuanku Muhriz dan Tuanku Aishah Rohani diiringi Mohd Hamid beramah mesra dengan Farahana dan Nafira pada Majlis Konvokesyen UKM Ke-47 di Bangi, semalam. (Foto Sahulizan Tamad/BH)

Tertib zahirkan perbezaan pendapat: Tuanku Muhriz

Tingkah laku perlu lambangkan ketinggian ilmu, adab didikan

Oleh Nas Norziela Nasbah
nannorziela@bh.com.my

Bangi: Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir, bertitah universiti sering dirujuk sebagai tempat membina perbezaan pandangan, namun kebebasan itu haruslah ditadbir secara berhemah.

Titah baginda, selangung teguran atau perencanggahan pendapat perlu disalurkan menerusi saluran yang tersedia dan dizahirkan secara tertib.

"Keluhuran akal budi dan nilai peradaban yang dibina di universiti, harus dibuktikan dengan tingkah laku yang melambangkan ketinggian ilmu, adab dan peribadi tertidik," titah baginda.

Baginda yang juga Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bertitah demikian pada Majlis Konvokesyen UKM Ke-47 di Kampus Induk UKM, di sini, semalam.

Seramai 776 graduan terdiri daripada penerima Ijazah Doktoran, Doktor Pakar Perubatan/Sarjana Lanjutan dan Doktor Pakar Pergigian diraikan pada sidang pertama itu.

Yang turut hadir, Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tuanku Besar Mahmud; Tuanku Pro Canselor, Datuk Seri Diraja Tuanku Puteeri binti Saifuzzal Almarhum Sultan Abdul Halim Muadzam Shah; Pro Canselor UKM, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Naib Canselor UKM, Prof Dr Mohd Hamid Abdul Shukor.

Tuanku Muhriz seterusnya menitahkan supaya semua warga akademik terus berpegang kepada prinsip akademik yang luhur agar khazanah ilmu negara terus diperkukuh dan bermanfaat dalam pembentukan tamadun kehidupan sejagat.

Titah baginda, universiti adalah ruang terbuka untuk perkembangan pelbagai keilmuan namun kejujuran serta kebebasan

akademik perlu berpaksikan kebenaran, keserjanaan dan integriti tinggi yang akhirnya menentukan kesejahteraan masyarakat keseluruhan.

Universiti adalah ruang terbuka untuk perkembangan pelbagai keilmuan namun kejujuran serta kebebasan akademik perlu berpaksikan kebenaran, keserjanaan dan integriti tinggi yang akhirnya menentukan kesejahteraan masyarakat keseluruhan.

Tuanku Muhriz Tuanku Munawir, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan

"Sejak 50 tahun lalu, rakyat Malaysia menjalani kehidupan dengan berpaksikan Rukun Negara.

"Prinsip yang terkandung menjadikan rakyat negara ini hidup dengan penuh damai dan harmoni," titah baginda.

Tuanku Muhriz turut berkenan menyampaikan anugerah khas Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada Tuan Yang Terutama, Ban Ki-Moon dan Profesor Michael Lavelle-Jones.

Sempena konvokesyen empat hari itu, empat graduan terpilih menerima anugerah berprestij dengan Anugerah Pelajaran Diraja dianugerahkan kepada graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan dengan kepujian cemerlang, Farahana Mohamed dan graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dengan kepujian cemerlang, S Nafira.

Sementara itu, graduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dengan kepujian cemerlang dalam bidang Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Muhammad Ali Fitri Abdul Halim menerima Anugerah Naib Canselor.

Anugerah Tun Razak pula diterima oleh graduan Ijazah Doktor Pergigian, Joshua Peh Jian Ren.